

MYRINGOPLASTY

Myringoplasty adalah pembedahan kecil pada gegendang telinga untuk menutup kebocoran yang sedia ada. Ia boleh dilakukan samaada menggunakan bius setempat atau Am mengikut besar kebocoran gegendang tersebut.

KENAPA SAYA HARUS MENJALANI PEMBEDAHAN INI.

- 1. Jika pembedahan ini berjaya, ia dapat menghalang kemasukan jangkitan kuman dari luar telinga.*
- 2. Ia boleh memperbaiki pendengaran, mengurangkan masaalah kebisingan didalam telinga, dan membolehkan penggunaan alat pendengaran dengan lebih sempurna.*

BAGAIMANA PEMBEDAHANINI DILAKUKAN

Penbedahan ini boleh dilakukan samada menggunakan bius setempat atau Am. Ia

dilakukan dengan menggunakan mikroskop. Bahagian yang ingin dibedah akan dicuci dan ditutup dengan kain steril/ bersih. Permukaan gegendang yang bocor ini diperbaiki sebelum graf diambil. Graf biasanya diambil daripada selaput perikondrium dicuping telinga, Selaput otot temporalis bahagian atas cuping telinga, pembuluh darah atau dari selaput otak. Selepas graf diletakan pada gegendang telinga yang berlubang, lubang telinga akan ditutup dengan kain/ kapas. Ianya akan dibiarkan selama 10 hari – 2 minggu supaya graf dapat hidup dan menutup gegendang yang berlubang.

BILA MYRINGOPLASTY INI BOLEH DILAKUKAN

- 1. Pembedahan ini boleh dilakukan apabila telinga sudah betul-betul kering sekurang-kurangnya 3 bulan.*
- 2. Semasa melakukan pembedahan mastoid, myringoplasty juga boleh dilakukan serentak atau dilakukan sebagai pembedahan kedua apabila penyakit telinga beransur pulih.*
- 3. Apabila kanak-kanak sudah mencapai umur 16 tahun keatas. Ini disebabkan kanak-kanak/ Remaja dibawah umur*

ini masih terdedah kepada penyakit selsema/ Resdung.

SIAPA YANG TIDAK BOLEH MENJALANI PEMBEDAHAN MYRINGOPLASTY

- 1. Pesakit yang masih mengalami telinga bermanah.*
- 2. Kanak-kanak yang masih mengalami masaalah selsema/ Resdung.*
- 3. Pesakit yang tidak mahu dibedah dan memilih untuk menggunakan alat bantuan pendengaran.*

APA YANG AKAN TERJADI JIKA TIDAK DIBEDAH

Jika pembedahan tidak dilakukan, anda senang dijangkiti kuman disebabkan kuman senang masuk dalam badan melalui lubang telinga. Anda harus lebih berhati-hati semasa mandi supaya air tidak masuk kedalam telinga. Anda tidak digalakkan untuk berenang di sungai atau laut. Jika

anda ingin berbuat demikian, anda harus menggunakan penyumbat telinga. Ini dapat menghalang air dari masuk kedalam telinga.

Jika anda ingin mendapat pendengaran yang lebih jelas, anda harus menggunakan alat pendengaran.

APA YANG HARUS SAYA BUAT SELEPAS PEMBEDAHAN

Aktiviti harian, Selepas pembedahan dilakukan, anda akan dibenarkan pulang pada hari yang sama atau esok hari dan dibenarkan bercuti sakit sehingga berjumpa doctor pada kali pertama (10 hari – 2 minggu). Semasa di rumah, kemungkinan ada sedikit cecair yang membasahi luka di telinga. Anda dibenarkan menukar kapas bahagian luar dengan yang baru. Jika cecair yang keluar itu banyak atau anda merasa sakit bahagian telinga, sila rujuk semula kepada doctor anda. Kemungkinan infeksi telah berlaku didalam telinga.

Anda juga tidak dibenarkan membuat kerja-kerja berat seperti mengangkat barang, senaman yang berlebihan dan bersin/ batuk yang berlarutan. Tekanan udara yang berlebihan didalam telinga akan menyebabkan graf tertanggal. Jika terasa ingin batuk/ bersin, anda dinasihatkan membuka mulut ketika itu. Ia boleh mengurangkan tekanan pada telinga tengah dan graft tidak sempurna.

Anda juga tidak digalakan untuk menaiki kapal terbang atau menyelam untuk masa 3 bulan selepas pembedahan. Ini disebabkan perubahan tekanan udara boleh menyebabkan gegendang yang baru mudah pecah kembali

Demam selsema Jika anda mengalami selsema selepas pembedahan, sila berjuma doctor anda semula untuk dirawat. Demam selsema yang berlarutan boleh menyebabkan graf di gegendang telinga tidak menjadi.

Kepala berpusing, Kadang-kadang anda akan merasai kepala anda berpusing. Anda dinasihatkan supaya berbaring menggunakan 2 atau 3 bantal dengan kedudukan telinga yang dibedah dihalas keatas. Ini dapat mengurangkan keadaan pusing kepala selepas pembedahan. Jika masih terasa pusing, sila dapatkan nasihat daripada doctor anda.




Hubungi kami:

Jabatan Otorinolaringologi,

Hospital Melaka.

Tel: 06-2892693

MYRINGOPLASTY



JABATAN

OTORINOLARINGOLOGI,

HOSPITAL MELAKA